

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TANAH DAERAH MUAR (PTDM) JOHOR

Oleh:

MOHD RAFEE BIN KHALID
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

Kolej
1100045562

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 24 FPE 2 2006



1100045562

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah Daerah Muar (PTDM) Johor / Mohd Rafee Khalid.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045562

1100045562

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI PEJABAT TANAH DAERAH MUAR (PTDM)
JOHOR**

MOHD RAFFE BIN KHALID
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

1100045562

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya MOHD RAFFE BIN KHALID (UK 9479) mengaku bahawa Laporan Latihan Industri ini bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terlibat dengan isi kandungan laporan ini.


Tandatangan



Nama: Mohd Raffe bin Khalid

Tarikh :

Disahkan oleh



DR. NIZAITA OMAR
Pengetahuan
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KOLEJ UNIVERSITAR BINTI OMAR MALAYSIA
(KUSTEM)

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

(KUSTEM)

PENGHARGAAN



Assalamualaikum dan syukur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan Laporan Industri ini dengan sempurna setelah menjalani Latihan Industri di Pejabat Tanah Daerah Muar (PTDM) Johor selama 12 minggu.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia KUSTEM Dr. Nizaita Binti Omar yang memberi tunjuk ajar sepanjang Latihan Industri ini. Tidak lupa juga saya ucapkan setinggi penghargaan kepada Pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang membenarkan saya menjalani Latihan Industri di PTDM bermula dari 14hb April 2006 hingga 7hb Julai 2006.

Setinggi penghargaan juga kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Muar (PTDM) yang sudi menerima saya menjalani Latihan Industri di sana selama 12 minggu tersebut. Penghargaan seterusnya ditujukan kepada Penyelia Industri En. Jamil Hasni Bin Abdullah yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa menjalani Latihan Industri di PTDM dan tidak lupa juga kepada pegawai dan kakitangan PTDM yang ramah serta memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada saya sepanjang menjalani Latihan Industri.

Akhir sekali tidak lupa juga penghargaan kepada ibu dan ahli keluarga yang sudi memberi dorongan dan juga tidak lupa penghargaan kepada rakan seperjuangan di KUSTEM yang memberi tunjuk ajar serta bantuan dan dorongan mereka dalam menjayakan laporan ini. Semoga dengan kerjasama daripada mereka semua saya dapat menghasilkan Laporan Latihan Industri ini dengan cemerlang semoga Allah memberkati segala usaha saya selama ini.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan Latihan Industri selama 12 minggu ini diadakan adalah untuk mendedahkan pelatih kepada alam pekerjaan sebenar yang bakal ditempuhi setelah bergraduat. Ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelatih mengaplikasikan apa yang dipelajari di universiti dengan menjalani Latihan Industri. Pelatih juga dapat belajar cara pentadbiran dan pengurusan, mengenalpasti sistem dan juga permasalahan yang dapat dilihat semasa menjalani Latihan Industri. Di samping itu pelatih berpeluang mengemukakan cadangan penyelesaian terhadap permasalahan dan kelemahan yang dikenalpasti dalam laporan Latihan Industri yang dibuat selepas tamat tempoh menjalani Latihan Industri. Malah Latihan Industri ini memperlihatkan sejauhmana praktik komunikasi pelatih dengan pegawai, pekerja serta pihak pelanggan organisasi di mana pelatih menjalani Latihan Industri. Ia merupakan pengalaman berharga yang akan dibawa apabila pelatih menceburی alam pekerjaan sebenar. Organisasi yang dipilih pelatih untuk menjalani Latihan Industri adalah di Pejabat Tanah Daerah Muar, Johor.